

# PM tegur sikap tidak minat buat pelaburan

BH 21 APR 2001

KOTA BHARU, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur sikap sesetengah Bumiputera yang lambat bertindak balas terhadap saham amanah diperkenalkan kerajaan menerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Perdana Menteri berkata, mereka sepatutnya mencontohi bukan Bumiputera yang pantas mengambil kesempatan apabila diberi peluang melabur bagi memperoleh pulangan jangka panjang.

Sambil menyatakan keadaan itu mungkin disebabkan kurangnya kemampuan Bumiputera dalam membuat pelaburan, beliau berkata ia juga boleh menggambarkan sikap Bumiputera yang kurang memikirkan mengenai persediaan masa depan.

“Kita tidak banyak berfikir mengenai masa depan, kita fikir sekarang saja... kalau nak untung pun nak hari ini juga. Apabila kita melabur, kita tak dapat keuntungan melainkan setelah genap setahun dan keuntungan pula tak tentulah... kadang-kadang banyak, kadang-kadang sedikit.

“Jadi kerana dengan itu mereka tak berminat. Kalau dia ada duit pun dia nak melabur atau dia nak berniaga dengan cara yang dia harap dapat keuntungan dengan cepat,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Minggu Saham Amanah Ma-

laysia (MSAM) 2001 di Dewan Perbandaran Majlis Perbandaran Kota Bharu di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat. Sempena majlis itu, dana terbaru PNB, Amanah Saham Didik (ASD), turut dilancarkan.

Mengenai pemilikan saham individu Bumiputera, Dr Mahathir berkata kerajaan hanya memilih individu yang berkemampuan menyimpan saham itu bagi membolehkan mereka menguasai syarikat tertentu dan jumlahnya adalah kecil berbanding pelaburan keseluruhan dalam PNB bernilai RM36 bilion.

Beliau mengakui ada yang berjaya mengendalikan tanggungjawab dengan baik, manakala sebahagiannya masih rapuh dan mudah menghadapi masalah seperti gagal membayar hutang apabila berdepan dengan kegawatan ekonomi.

“Kadang-kadang kalau kita dapati masalah yang dihadapi mereka itu akan membawa kesan buruk kepada pekerja, pelabur atau masyarakat, maka kita terpaksa beli balik (saham) untuk menyelamatkan keadaan.

“Dalam mana-mana perniagaan pun, tidak ada yang 100 peratus berjaya. Dalam 100

syarikat, mungkin hanya 30 atau 40 peratus yang gagal... kita kena terima hakikat ini kerana tak mungkin apa juga perniagaan mendapat kejayaan sepenuhnya.

“Walaupun kita tak puas hati, apa nak buat. Kita masih perlu melabur dengan

banyak sekalipun mendapat pulangan sederhana,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) membawa manfaat kepada lebih tujuh juta Bumiputera menerusi pemi-

likan unit saham dalam skim amanah saham yang diperkenalkan kerajaan.

Beliau berkata, kejayaan itu membuktikan pelaksanaan DEB bukan untuk dinikmati kroni kerajaan semata-mata, sebaliknya turut dirasai pelbagai lapisan masyarakat ter-

masuk bukan Bumiputera.

“Kita cipta pendekatan baru dengan menubuhkan tubuh PNB dan kita beri segala saham kepada badan tertentu untuk diagihkan sebanyak mungkin kepada rakyat melalui saham amanah,” katanya.